

Kakitangan UMS-KAL perlu tahu memadam kebakaran

UB 22.06.2012 B16

SERAMAI 30 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Pengurusan dan Pencegahan Kebakaran di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara UMS-KAL pada 21 Jun 2012.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh Penolong Penguasa Bomba KB29 Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan (JBPL), Ahmad Azmir Rusidi. Selain ceramah, Ahmad

turut mengadakan demonstrasi memadam api yang membabitkan tujuh anggota Balai Bomba Layang-Layangan.

Kursus anjuran Bahagian Pentadbiran UMS-KAL itu bertujuan untuk memberi kesedaran dan menambah pengetahuan kepada kakitangan serta kepentingan keselamatan dan cara mencegah kebakaran dalam bangunan.

Manakala demonstrasi bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan tentang cara-

cara memadam kebakaran kecil dengan menggunakan alat pemadam api yang sesuai.

Ahmad turut menasihatkan orang ramai supaya sentiasa peka terhadap bahaya kebakaran terutama keadaan di rumah kerana ia membabitkan ahli keluarga selain harta benda.

Katanya, warga Labuan seharusnya memiliki alat mengesan dan memadam kebakaran di rumah sebelum mendapat bantuan daripada anggota bomba.



AHMAD Azmir (berdiri, lima dari kiri) bersama peserta Kursus Pengurusan dan Pencegahan Kebakaran di UMS Labuan.